

29/10/2003

Liga Arab dan penyelesaian masalah Palestin

Mohd Azlan Jaafar

SETIAUSAHA Agung Liga Arab, Amr Moussa duduk, memegang curut sambil memandang ke luar tingkap dari lounge di tingkat 19 hotel mewah Ritz-Carlton.

Bau curut yang besar kemungkinan dari Cuba, mungkin membantunya memikirkan masalah membabitkan dunia Arab. Dentuman kerja pembinaan bangunan Ritz-Carlton baru milik YTL di kawasan lapang bersebelahan mungkin tidak banyak membantu kecuali persamaan seperti dentuman bunyi bom.

Asyik dengan pemikiran sehingga kedatangan wartawan yang berdiri di pintu selama beberapa minit tidak disedari. Mungkin masalah negara Arab begitu hebat difikirkan Setiausaha Agung yang menjadi jurucakap kepada 22 negara Arab itu.

Sebenarnya jika digabungkan sumber minyak dunia Arab ia pasti mampu memporak-perandakan ekonomi negara maju.

Bagaimanapun ketidaksepakatan anggota Liga Arab seperti juga Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), menjadikannya medan perbincangan tanpa tindakan konkrit terutama menangani isu Palestin dan pendudukan Israel.

"Mesti ada tindakan (mengenai isu Palestin-Israel). Sudah tiba masanya untuk kita semua mengambil pendirian. Keadaan ini (di Palestin) tidak harus dibenarkan berterusan," katanya walaupun menyedari perbalahan di kalangan negara Islam punca masalah itu berlarutan.

"Jika ia berterusan keadaan akan menjadi lebih buruk," katanya.

Moussa berada di Kuala Lumpur, baru-baru ini sempena sidang kemuncak OIC.

Dari nada dan kesungguhan ditunjukkan Setiausaha Agung Liga Arab itu, beliau bersungguh-sungguh mahu masalah di Palestin diselesaikan tetapi tangannya seperti terikat.

Malah beliau tidak berdolak dalik atau berpolitik mengenai tindakan yang perlu dikenakan terhadap Israel bukan saja oleh negara Islam malah seluruh dunia.

"Saya menyokong pendirian tegas terhadap polisi Israel. Malah negara yang bersimpati dengan Israel tahu Israel salah.

"Kami (Liga Arab) menyokong sebarang tindakan terhadap Israel. Kami juga menyeru pemimpin seluruh dunia untuk mengutuk kekejaman Israel.

"Israel mesti dikenakan tindakan tegas daripada kita semua kerana apa yang dilakukannya (terhadap Palestin) tidak boleh diterima sama sekali," katanya.

Liga Arab yang ditubuhkan pada pertengahan 1940-an, bermula dengan tujuh negara, meningkat kepada 22 selepas lebih banyak negara Arab dibebaskan oleh penjajah masing-masing.

Kesan Perang Dunia Kedua (WWII) mewujudkan pergerakan nasional bagi menentang penjajahan di banyak negara Arab. Liga itu menjadi suara

kemerdekaan negara Arab yang masih ditindas dan ditakluki Barat.

Tetapi punca tujuan utama penubuhannya kesedaran bahaya yang wujud hasil peningkatan pergerakan Zionis serta pembentukan negara Yahudi di Palestin yang dihalalkan Britain.

Dalam temu bual kira-kira 30 minit itu, Moussa bercakap secara terbuka. Kepetahan pemimpin berusia 67 tahun itu jelas membayangkan pengalaman luas terutama dalam politik antarabangsa.

Dilahirkan di Kaherah dan berpendidikan undang-undang termasuk PhD dari Paris Universiti, Moussa sebelum ini menjawat pelbagai jawatan termasuk wakil tetap Mesir ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Menteri Luar Mesir dari 1991.

Ketegasan Moussa terhadap kekejaman Yahudi itu mungkin disebabkan negaranya beberapa kali berperang dengan Israel sejak Peperangan Palestin Pertama pada 1949.

Peperangan lain termasuk Peperangan Sinai pada 1956, Peperangan Enam Hari membabitkan Mesir, Jordan dan Syria terhadap Israel (1967) dan peperangan Yom Kippur (1973).

Moussa juga percaya kesengsaraan dan pembunuhan di Palestin oleh regim Zionis tidak dapat ditamatkan dalam tempoh terdekat.

"Ia tidak akan selesai di bawah keadaan sekarang yang mana kuasa besar menyokong Israel. Ia tidak akan membuahkan hasil. Keganasan dan penentangan akan berterusan," katanya.

Walaupun banyak pihak percaya OIC tidak akan mampu membawa perubahan di Palestin selain hanya dilihat sebagai persidangan yang penuh retorik, Moussa masih menaruh harapan.

"Dari satu pihak mungkin ini (OIC) adalah kedai sembang (talkshop) tetapi dari satu lagi segi ia membolehkan ketua negara yang bertanggungjawab menyatakan pandangan mereka.

"Adalah sangat penting untuk bercakap secara terbuka dan telus. Jadi saya tidak bersetuju ini talkshop. Ia adalah perbincangan penting," katanya.

Beliau juga percaya persidangan ke-10 OIC akan membuahkan hasil.

"Tempoh diterajui Malaysia sangat kritikal untuk dunia Islam memikirkan keadaan semasa dan masa depan. Tetapi saya percaya sesuatu yang produktif akan lahir di bawah kepemimpinan (Dr) Mahathir (Mohamad) yang juga kuasa dihormati masyarakat Islam," katanya.

Mengenai tindakan Israel mahu mengusir Presiden Palestin Yasser Arafat, Moussa berkata dakwaan Arafat sebagai penghalang pelan damai sebahagian propaganda regim Israel mengaburi mata dunia.

"Kita tidak harus percaya kenyataan seperti ini. Apa yang dikatakan (Ariel) Sharon mungkin dipercayai satu dua negara... tidak lebih dari itu.

"Arafat adalah kuasa yang perlu diiktiraf dan bukan hak Israel untuk

memilih kepemimpinan Palestin. Mereka boleh memilih pemimpin mereka tetapi bukan untuk Palestin," katanya.

Akhir sekali bila ditanya apa yang perlu dilakukan negara Islam dari sini, beliau berkata: "Saya berpendapat ini adalah masanya untuk kita untuk melihat ke dalam dan memikir keadaan kita.

"Kita perlu menganalisis kesalahan yang kita lakukan dan cara menghadapi kesalahan ini."

Mungkin Moussa betul dalam aspek ini. Tibalah masanya negara Islam melihat ke dalam diri sendiri terhadap penderitaan yang mereka tanggung.

Tetapi apakah dunia Arab sedia melihat ke dalam ketika beberapa negara itu sendiri lebih cenderung berkiblat ke Barat.